

# UMS terpilih jadi penganjur Kejohanan Taekwondo Universiti Asia

Um 26.09.2012 26

KOTA KINABALU 25 Sept. - Pemilihan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai gelanggang Kejohanan Taekwondo Universiti Asia yang bakal berlangsung pada 11 hingga 13 Oktober ini dilihat sebagai penghormatan besar kepada universiti tersebut.

Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah (**gambar**) berkata, sebagai sebuah universiti terkemuka di Borneo pengiktirafan untuk mewakili negara bagi menganjurkan kejohanan pertama kali di

Malaysia itu sebagai tindakan tepat.

Katanya, UMS bukan sahaja sebagai destinasi menuntut ilmu tetapi sebuah institusi yang berjaya melahirkan atlet hebat terutama dalam sukan taekwondo di negara ini.

"Bagi Kejohanan Taekwondo Universiti Asia kali ini, tiga atlet taekwondo dari Malaysia akan turut dibarisi mahasiswa dari UMS iaitu Mohd. Fakhrur Razi



Mohd. Asyraaf Abdullah.

Menurut Mohd. Harun, keupayaan menyediakan segala kemuda-

Sazali, Yeo Kok Siong dan Raymond Toh Meng Hui," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UMS yang juga Pengerusi Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum); Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md. Mansur dan Pengerah Pusat Sukan UMS,

han yang diperlukan pada kejohanan tersebut membolehkan UMS dipilih menjadi tuan rumah bagi kejohanan kali ketiga itu.

Katanya, berdasarkan kelebihan itu UMS diberi kepercayaan meneruskan kecemerlangan negara dalam menganjurkan kejohanan bertaraf antarabangsa.

Tambahnya, sebanyak 11 negara termasuk Malaysia, China, Lebanon, Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei, Nepal dan Iran akan menyertai pertandingan ter-

sebut.

"Seramai 141 orang atlet dan pegawai akan memeriahkan Kejohanan Taekwondo Universiti Asia tersebut dan ia satu penghormatan kepada UMS untuk memberi layanan terbaik sepanjang kejohanan berlangsung," katanya.

Menurut beliau, Emiriah Arab Bersatu (UAE) merupakan negara pertama menganjurkan kejohanan itu pada 2010 manakala Kazakhstan dipilih menjadi tuan rumah pada tahun lalu.